

25 DEC 2001

Krismas-Rangkuman

KEMERIAHAN WARNAI SAMBUTAN KRISMAS

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Suasana meriah mewarnai perayaan Krismas di negara ini hari ini dengan para penganut Kristian menerima kunjungan sahabat handai yang berlainan agama, meskipun ia disambut secara sederhana.

Cuaca cerah di sekitar bandaraya menceriakan lagi sambutan oleh wargakota, yang sebahagiannya mula pulang ke ibu negara sejak semalam selepas menyambut Aidilfitri di kampung halaman masing-masing.

Kemeriahaan Krismas lebih dirasai kerana rakyat berbilang kaum dan agama masih dalam suasana sambutan Aidilfitri dengan pelbagai pihak masih menganjur rumah terbuka Aidilfitri.

Sambutan Krismas bermula pagi ini dengan para penganut Kristian berkumpul di gereja untuk upacara sembahyang sebelum acara rumah terbuka, yang sudah menjadi tradisi rakyat Malaysia bagi semua perayaan utama di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri rumah terbuka Krismas anjuran Persekutuan Kristian Malaysia dan Achbishop Roman Katolik Rev Anthony Soter Fernandez di Jalan Bukit Nanas pada pukul 3 petang ini.

Bagi penganut Kristian Katolik di ibu negara, Gereja St John di Bukit Nanas menjadi tumpuan.

Selain rakyat Malaysia, warga asing yang bekerja di negara ini serta pelancong turut berkumpul di gereja itu bagi acara sembahyang.

Salah seorang warga asing yang di temui di luar gereja itu, Jordan Wright, dari Australia, berkata ini adalah kali kedua beliau dan keluarga menyambut Krismas di Kuala Lumpur.

"Sambutan di negara ini jauh berbeza dengan apa yang dialami di negara asalnya di mana rata-rata rakyat beragama lain di negara ini turut sama meraikan dan mengunjungi sahabat mereka yang beragama Kristian," katanya.

Bagi warga Filipina, Patricia Estrada yang bekerja sebagai pembantu rumah di sini pula, sambutan Krismas di negara ini tidak jauh bezanya berbanding sambutan di negaranya kerana rakan-rakan senegara yang tidak pulang untuk sambutan Krismas akan berkumpul beramai-ramai dan menyediakan juadah istimewa dalam satu jamuan.

Tinjauan Bernama juga mendapati sebahagian warga kota mengambil kesempatan cuti umum hari ini untuk meluang masa bersama keluarga seperti bersiar-siar atau membeli-belah di pusat membeli belah di KLCC dan Bukit Bintang.

DI KUCHING, perayaan Krismas disambut meriah dengan para penduduk berkunjung ke rumah terbuka yang dianjurkan oleh penganut agama Kristian di negeri ini.

Yang di-Pertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin serta Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengunjungi rumah terbuka yang diadakan oleh tokoh-tokoh agama dan politik di negeri ini.

Di KOTA KINABALU, sambutan Hari Krismas berlangsung dengan sederhana tetapi meriah dengan masyarakat pelbagai kaum mengunjungi rumah-rumah terbuka yang diadakan pemimpin negeri di sini.

Kemeriahan sambutan tahun ini juga lebih terasa kerana lebih ramai pemimpin dan organisasi yang mengadakan rumah terbuka berbanding tahun-tahun lepas.

Antara yang mengadakan rumah terbuka ialah Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Pusat Kebudayaan Sabah di Penampang

dan Parti Bersatu Rakyat Sabah di Magellan Sutera Hotel dan Spa di Kota Kinabalu.

Antara yang mengunjungi rumah terbuka UPKO dan PBRS ialah Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai, Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein serta pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan menteri kabinet negeri.

Parti Bersatu Sabah (PBS) turut mengadakan rumah terbuka di Hongkod Koisaan, yang turut dihadiri Lajim, Hishammuddin serta pemimpin parti komponen BN.

Selepas mengunjungi rumah terbuka Krismas, ramai wargakota turut mengunjungi rumah terbuka Aidilfitri oleh Hishammuddin di Dewan Saadah, Wisma Muis juga di Kota Kinabalu.

DI KUALA TERENGGANU, keadaan cuaca yang mendung menjejaskan sedikit suasana sambutan, namun ia tetap meriah kerana kebanyakan tempat di bandar ini tidak terbabit dengan banjir.

Sebagaimana biasa penganut agama Kristian di bandar ini mengadakan rumah terbuka dan menerima tetamu daripada semua bangsa.

Di MELAKA, sambutan Krismas bagi penduduk tempatan dimulakan dengan mengadakan upacara sembahyang tengah malam tadi dan sebelah pagi ini.

Beberapa hotel utama di bandar ini juga mengadakan pesta Krismas kepada pengunjung dari dalam dan luar negara.

Bagi masyarakat Portugis di Ujong Pasir dan Bandar Hilir, para tetamu dihidangkan dengan masakan dan kuih tradisional mereka seperti bahulu, semur dan karisenko (rendang daging ayam dan kacang panjang).

Sementara itu, orang ramai turut mengambil kesempatan daripada cuti perayaan dan cuti sekolah untuk mengunjungi pusat membeli-belah dan tempat-tempat menarik di sekitar Melaka seperti kompleks sejarah Bandar Hilir, Ayer Keroh, Tanjung Bidara dan Pantai Kundur.

Di ALOR SETAR, cuaca cerah membolehkan Krismas disambut meriah penganut Kristian serta rakan-rakan yang beragama lain.

Tempat percutian seperti Langkawi menjadi tumpuan bagi menghabiskan cuti bersama keluarga manakala masyarakat Melayu turut mengadakan banyak majlis perkahwinan di sekitar bandar ini sempena cuti umum hari ini.

Di KUANTAN, sekalipun beberapa kawasan di sini dilanda banjir namun ia tidak menghalang kebanyakan penganut Kristian untuk berhimpun pada awal pagi bersama keluarga masing-masing untuk ke gereja sempena perayaan Krismas.

Bagaimanapun sambutan kali ini dilihat kurang ceria berikutan kejadian banjir yang melanda sejak beberapa hari lepas.

Di pusat-pusat pemindahan banjir, mangsa yang majoritinya penduduk Melayu, mereka mungkin terpaksa "melupakan" cuti sempena Krismas hari ini.

Namun begitu, pusat-pusat membeli-belah dan hotel di bandar ini tetap menghiasi bangunan dan perkarangan masing-masing.

Di PULAU PINANG, Krismas disambut sederhana tetapi meriah oleh penganut agama Kristian dan seperti biasa amalan kunjung mengunjungi serta rumah terbuka diadakan untuk kaum keluarga dan sahabat handai.

Orang ramai pula mengambil peluang sempena cuti umum untuk mengunjungi pusat-pusat membeli belah dan berkelah serta bersiar-siar di kawasan pantai Batu Ferringhi.

Beberapa buah hotel turut mengadakan pelbagai acara istimewa bagi memeriahkan suasana, antaranya, Hotel Mutiara Beach Resort yang mengadakan gimik dengan membawa Santa Claus "terbang" menggunakan payung terjun yang ditarik oleh sebuah bot laju.

Santa yang membawa karung berisi hadiah kemudiannya mendarat di tepi pantai di mana kira-kira 150 orang kanak-kanak menunggu untuk mendapatkan hadiah yang berupa barang-barang mainan.

-- BERNAMA

ZU KG MOZ